

20/04/1999

Penyokong ragu matlamat Pas

Dulu Pas, Sekarang Barisan Nasional

SAYA adalah seorang pemerhati yang satu masa dulu adalah penyokong kuat Pas. Saya menyangka matlamat Pas adalah untuk menubuhkan sebuah negara Islam. Namun sekarang, Pas (seperti yang mereka dakwa) masih juga mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menegakkan Islam dan juga menubuhkan sebuah negara Islam.

Namun begitu, saya dapat rasakan bahawa matlamat perjuangan Pas lari daripada landasan yang sebenarnya. Ini membuat saya berfikir panjang mengenai apakah matlamat sebenar Pas, adakah untuk menubuhkan negara Islam atau untuk mencapai cita-cita politik tanpa mengendahkan perpaduan rakyat. Sokongan saya terhadap Pas mula goyah apabila kes Datuk Seri Anwar Ibrahim bermula.

Oleh kerana saya adalah seorang yang faham mengenai undang-undang Malaysia, saya mengambil keputusan untuk tunggu, baca segala laporan akhbar mengenai perbicaraan Anwar.

Saya berfikir secara rasional, dan menunggu keputusan mahkamah. Tetapi apa yang saya lihat, Pas terus menyokong Datin Seri Wan Azizah Ismail dan juga menyokong reformasi. Saya mula merasakan, sebenarnya Pas bukan mahu menegakkan matlamat mereka terlebih dahulu tetapi sanggup berbuat apa saja untuk memenangi pilihan raya dan menjatuhkan pimpinan sekarang.

Di masjid sering terdengar imam yang menyokong Pas memberi ceramah mencaci kerajaan. Walaupun saya seorang penyokong Pas, saya juga merasa tidak senang hati mendengar ceramah yang mencaci kerajaan kerana dalam Islam, perbuatan mencaci itu di benci oleh Allah lebih-lebih lagi daripada seorang penceramah di masjid.

Saya mula berfikir, apa sebenarnya yang saya inginkan dan saya juga seperti menerima petunjuk yang membuatkan saya bertanya kepada diri sendiri, selama ini saya hidup bahagia dan kaya di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Malaysia juga menjadi buah mulut seluruh dunia dan beliau menjadi idola negara yang kagum dengan pembangunan negara ini.

Jadi kenapa saya harus menyokong sebuah parti politik yang kononnya mempunyai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara Islam tetapi rupanya mempunyai cita-cita politik yang sanggup membelakangkan nilai-nilai Islam sendiri?

Bermacam-macam lagi insiden yang telah berlaku yang membuatkan saya berfikir. Contohnya apabila berlaku wabak Japanese Encephalitis (JE).

Seorang pemimpin Pas mengaitkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan penjagaan babi. Saya ketawa sendiri apabila beliau berkata Pak Lah patut merujuk kepada fatwa sama ada boleh mengendalikan wabak JE yang membabitkan babi.

Betapa sempit pemikiran pemimpin Pas. Pak Lah bukannya terbabit dengan penjualan import eksport babi, atau menjaga industri menternak babi, tetapi ditugaskan untuk menghapuskan wabak yang boleh memudaratkan rakyat Malaysia.

Adakah itu perlu mendapatkan fatwa. Nampak sangat Pas sudah tidak ada modal untuk bercakap sehinggakan isu ini juga diperbesar. Kalau mengenai isu ini pun Pas sudah berfikiran sempit sampai begitu sekali, bagaimanalah agaknya mereka mahu mentadbir sebuah negara.

Mereka hanya mahu mencari isu untuk menghentam kerajaan. Seperkara lagi yang membuatkan saya sudah hilang kepercayaan kepada Pas, ialah tentang rusuhan yang berlaku selepas keputusan mahkamah ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Saya melihat dalam akhbar, bendera Pas berada di merata-rata. Tambahan pula, Naib Presiden Parti Keadilan Nasional juga ditangkap kerana merusuh. Saya berkata kepada diri sendiri kenapa selama ini saya begitu bodoh menyokong Pas dan pada masa yang sama saya bersyukur kerana saya sedar tentang kesilapan saya dahulu.

Di sini juga saya mendoakan supaya Dr Mahathir sihat sepenuhnya dan terus mentadbir negara dan meletakkan Malaysia ke persada dunia dan dihormati.

Dan ingatan kepada penyokong reformasi, Kembalilah ke pangkal jalan. Ketahuilah bahawa segala perbuatanmu itu sia-sia belaka. Berfikirlah dengan waras.